

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 MAC 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Rakyat Malaysia perlu sokong dan hargai inovasi tempatan – Abu Bakar	BERNAMA
2.	Sistem kitar semula iCycle diperluas	Utusan Malaysia
3.	Prof Emeritus Datuk Dr Mazlan Othman	The Star
4.	Kakitangan Kedutaan Korea utara dilarang keluar Malaysia – Ahmad Zahid	BERNAMA
5.	Laporan autopsi tidak sebut Kim Chol mati serangan jantung	Utusan Malaysia
6.	Nafi mati akibat serangan jantung	Harian Metro
7.	'Beri ruang kami siasat'	Harian Metro
8.	Siasatan dapati tiada elemen jenayah: Polis	Berita Harian

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 MAC 2017 (RABU)



Rakyat Malaysia Perlu Sokong Dan Hargai Inovasi Tempatan - Abu Bakar

PORT DICKSON, 7 Mac (Bernama) -- Rakyat di negara ini diseru supaya menyokong dan menghargai inovasi anak tempatan bagi membolehkan pertumbuhan bidang itu dapat terus dipacu pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata Malaysia telah banyak menghasilkan banyak produk-produk setanding dengan negara luar, namun sokongan rakyat terhadap hasil tempatan masih perlahan.

"Kadar penggunaan teknologi tempatan, orang Malaysia ini agak perlahan dan kita tak boleh cakap berapa peratus. Banyak produk inovasi kita berakhir di bilik pameran sahaja.

Sebab itu di kementerian, kita kata menjelang 2020 kita kena ada 360 produk oleh universiti yang perlu diperkenalkan tetapi saya tak risau produk itu dan saya boleh dapat bila-bila masa, masalahnya ialah ada orang nak pakai ke tidak," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menutup Festival Kerjaya Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) dan Forum: Halatuju Industri Rel Malaysia yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Port Dickson Yusma Yusof di sini.

Disertai lebih 40 syarikat, festival itu bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan dan suai padan pelajar untuk menjalani latihan industri.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata sistem pembelajaran di negara ini sangat baik kerana mampu melahirkan pelajar yang kreatif dan berinovasi.

"Sebab itu kalau kita tengok bila ada pertandingan peringkat dunia, ada sekolah yang menang, kerana mereka ini memang inovatif. Tapi dia punya masalah sekarang ini, nak pakai (produk inovasi itu) ke tak nak pakai.

Jadi orang Malaysia sepatutnya kena aktif menerima teknologi yang diinovasi di Malaysia. Seperti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kata kalau kita nak menjadi sebuah negara maju pada 2020, mesti melahirkan orang yang boleh menjual inovasi kita sendiri ke seluruh dunia," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyeru masyarakat supaya menjadikan teknologi sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

Sistem kitar semula iCycle diperluas

SISTEM pengurusan sampah kitar semula, iCycle terus diperluas di negara ini dengan Rembau, Negeri Sembilan menjadi lokasi terbaru yang menggunakan kaedah pembuang sampah kering sistematis itu.

iCycle yang telah dilancarkan di Presint 14, Putrajaya pada Oktober tahun lalu bukan sahaja mampu memastikan pengurusan sampah yang sistematis malah memberi ganjaran wang kepada mereka yang mengamalkannya.

Pengasas iCycle Malaysia, Dr. Tan Ching Seong berkata, seiring dengan pelaksanaannya, sebanyak 20 tong sampah khas akan ditempatkan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh daerah itu bagi membolehkan masyarakat setempat melaksanakan pembuang sampah kitar semula.

Jelasnya, orang ramai perlu mendaftar menjadi ahli kitar semula di www.ecycle-global.com dan akan menerima kod bar untuk dilekatkan pada plastik sampah.

Jelasnya, mereka kemudian perlu menggunakan plastik tersebut untuk mengisip sampah kering dan bersih sebelum membuangnya ke dalam tong sampah khas yang disediakan di KRT tersebut.

"Sampah akan dikira dan mereka diberi mata berdasarkan bahan yang dimasukkan ke dalam tong itu. Setiap mata bersamaan 5 sen dan dimasukkan ke dalam akaun



NORI ABDULLAH bersama Lailah Che Mohd Darus pada Majlis Pelancaran Sistem Kitar Semula i-Cycle di Rembau, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

keahlian masing-masing. Mereka kemudian boleh menuntut ganjaran yang telah dikumpul daripada pihak kami," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran Sistem Kitar Semula iCycle dan majlis penutup program Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Inovasi Sosial 2016: 'Menghormati Alam Sekitar-Saya Tidak Suka Plastik' di KRT Taman Seri Rembau Fasa 2, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Pelancarannya telah disempurnakan oleh isteri Ahli Parlimen, Rembau, **Nori Abdullah**. Hadir sama Setiausaha Bahagian Perkhidmatan, Pembangunan dan Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi Mosti, Lailah Che Mohd. Darus; Ahli Dewan Undangan Negeri

Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris; Presiden Persatuan Wanita Rantau Pasifik dan Asia Tenggara, Datuk Rahmah Abd. Hamid; dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia, Tany Anthony Kiob.

Menurut Ching Seong, bagi menggalakkan masyarakat melaksanakan pengurusan sampah iCycle, pihaknya akan menyumbang sebanyak 30 peratus daripada keseluruhan mata yang dikumpulkan kepada KRT yang mengambil bahagian.

Ujarnya, sejak dilaksanakan di Putrajaya, konsep kitar semula itu mendapat sambutan menggalakkan, daripada orang ramai, sekali gus menanam sikap mengasingkan sampah sebelum dibuang.

Sementara itu, Nori dalam ucapannya berharap penduduk di Rembau akan mengambil peluang untuk turut serta dalam pelaksanaan sistem itu yang mampu memastikan daerah berkenaan menjadi antara kawasan paling bersih di negara ini.

"Ini merupakan pendekatan positif dalam menggalakkan masyarakat supaya lebih peka kepada alam sekitar. Kitar semula menyumbang kepada kebaikan alam sekitar kerana aliran sisa pepejal boleh dikurangkan apabila bahan-bahan buangan dikitar semula.

"iCircle amat mudah. Sampah yang kering dan bukan jenis makanan boleh dimasukkan ke dalam tong sampah tersebut. Ini boleh dijadikan budaya kepada masyarakat dalam menguruskan



sampah.

"Saya berharap penduduk di sekitar Rembau dapat menggunakan sistem ini sebaik mungkin dan mengikut jejak negara luar seperti Jerman dan Jepun dalam aspek pengurusan sampah dan kebersihan," katanya.

Ujarnya, di bandar Kamikatsu, Jepun, penduduknya berjaya mengitar semula 80 peratus sampah manakala baki 20 peratus dihantar ke tapak pelupusan.

"Di kawasan itu, tiada perkhidmatan pengangkut sampah dan setiap ahli masyarakat bertanggungjawab membawa sampah masing-masing ke pusat kitar semula dan membuat pengasingan sampah sendiri," katanya.

Ujarnya, masyarakat perlu mengubah tabiat lama dalam pengurusan sampah demi kelestarian alam sekitar. -
HARADIAN SHAH HAMDAN



KERATAN AKHBAR
THE STAR (HEALTH & SCIENCE) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 8 MAC 2017 (RABU)

Prof Emeritus Datuk Dr Mazlan Othman

Senior fellow, The Academy of Sciences Malaysia

THIS petite woman is a first of many things – she's our first astrophysicist, the first woman to earn a doctorate in physics from the University of Otago, New Zealand, the first director of the country's National Space Agency, Angkasa, and the first head of Malaysia's Angkasawan Project that successfully launched Malaysia's first astronaut, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, into space.

"I have always been inspired by different things at different points in life; I was inspired by the universe, then space, and it all led me to astrophysics," she says.

Though she had no "obstruction" from males, of her many challenges, Prof Dr Mazlan, 65, says the Angkasawan Project was the hardest as it took a toll on her health and family life.

"It was tough because I had no precedent. There was not much interest or knowledge of space in the country then and I had to blaze new trails. Whatever issues I faced, it was a first. Everything was new and had not been done before, so there was nothing in place that I could refer to!"

Female scientists used to be a rare breed but Prof Dr Mazlan says the landscape has changed and there are more women now in science and astrophysics.

She says: "Women often tell me I've set a pace for others (men and women) to follow and hearing that is one of the most rewarding things in my life."

Occasionally, young people seek her advice on career prospects on studying physics.

"They come in with their parents and if they are really interested in the field, I tell



them go for it! However, it is not a nine-to-five job, especially in observational astronomy. Be aware that you'll have to party less because of assignments which are not easy as there are no answers in textbooks. It involves a lot of dedication and grit more than sacrifice."

No matter how busy Prof Dr Mazlan is, she always makes time to draw her eyebrows and put on an eye-liner.

"It takes me about 30 seconds, then I'm out the door!" she says, laughing.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 8 MAC 2017 (RABU)**



Kakitangan Kedutaan Korea Utara Dilarang Keluar Malaysia - Ahmad Zahid

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia tidak membenarkan mana-mana pegawai dan kakitangan di kedutaan Korea Utara di sini keluar dari negara ini, dalam satu arahan yang berkuat kuasa serta-merta.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata langkah yang diambil itu sebagai tindak balas terhadap arahan Kementerian Luar Korea Utara yang menyekat rakyat Malaysia di negara itu daripada meninggalkan Korea Utara.

"Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen telah keluarkan arahan serta-merta bahawa tidak ada mana-mana pegawai atau kakitangan yang berada di kedutaan Korea Utara yang dibenar keluar dari semua pintu keluar negara ini.

"Kita tidak berhasrat melakukan tindak balas tetapi inilah yang harus dilakukan apabila negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia melakukan tindakan di luar daripada ketatasusilaan dan kelaziman diplomatik.

"Malaysia terpaksa mengambil tindakan sama kerana mereka telah memanipulasikan kes pembunuhan yang dilakukan di klia 2," katanya kepada pemberita di perkarangan Parlimen hari ini.

Menurut Ahmad Zahid, rakyat dari negara itu termasuk pelancong tidak tertakluk kepada arahan berkenaan.

"Orang Korea Utara, tak ada masalah tetapi (larangan untuk) pegawai dan kakitangan yang berada di kedutaan Korea Utara. Rakyat biasa kita benarkan," katanya.

Beliau berkata pihaknya juga sedang mendapatkan maklumat daripada Kementerian Luar mengenai berapa ramai rakyat Malaysia yang kini berada di negara berkenaan.

Malaysia, katanya, akan mengambil tindakan berdasarkan Konvensyen Geneva sebagai langkah untuk mengeluarkan rakyat Malaysia yang kini berada di negara itu.

"Mereka arahkan rakyat kita tidak boleh keluar. Kita akan lakukan beberapa tindakan berdasar kepada Konvensyen Geneva yang kita sama-sama tandatangani sebagai negara yang ada hubungan diplomatik," katanya.

Agensi media antarabangsa melaporkan Korea Utara telah bertindak menghalang rakyat Malaysia yang berada di negara itu daripada meninggalkan negara itu, dalam langkah memastikan keselamatan anggota diplomat dan rakyat Korea Utara yang berada di Malaysia susulan daripada kes pembunuhan Kim Jong-nam, abang pemimpin tertinggi Korea Utara Kim Jong-un baru-baru ini.

Mengulas perkara itu, Ahmad Zahid berkata Malaysia mahu menghantar mesej jelas kepada Korea Utara supaya tidak merendah-rendahkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat.

"Mereka telah memanipulasi apa yang dipanggil sebagai kes pembunuhan di klia2. Malaysia telah menjalankan semua siasatan berdasarkan profesionalisme. Polis Diraja Malaysia (PDRM), **Jabatan Kimia**, Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi lain," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga tidak berhasrat membawa perkara itu ke Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dan ingin menggunakan saluran Konvensyen Geneva untuk menangani perkara ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak juga dijangka akan membawa perkara berkenaan pada mesyuarat jemaah menteri Jumaat ini.

Ahmad Zahid juga berharap tiada ancaman dihadapi rakyat Malaysia yang kini berada di negara Korea Utara.

"Kita serahkan kepada Kementerian Luar untuk lihat kebajikan mereka. Kita harap tiada ancaman tetapi pasukan bola sepak kita telah ambil keputusan untuk tidak bermain di Pyongyang untuk perlawanan AFC menentang negara itu nanti."

Kementerian Belia dan Sukan menerusi FAM memilih lokasi yang lebih bebas daripada ancaman untuk kita adakan perlawanan bola sepak itu," katanya.

Malaysia sebelum ini mengambil tindakan mengusir Duta Besar Korea Utara Kang Chol dan duta berkenaan meninggalkan negara ini petang semalam.

Kang Chol dilaporkan membuat tuduhan melulu dan tidak berasas terhadap Kuala Lumpur berhubung siasatan kes pembunuhan warga Korea Utara Kim Chol, yang dilaporkan secara meluas sebagai Kim Jong-nam, pada 13 Feb.

Sabtu lalu, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman mengisyiharkan Kang Chol sebagai 'Persona Non Grata' dan diberi tempoh 48 jam untuk meninggalkan Malaysia.

Sebelum ini, kerajaan Malaysia mengumumkan warga Korea Utara dikehendaki memohon visa untuk memasuki negara ini berkuat kuasa 6 Mac.

Jong-nam dilaporkan dibunuh di klia2 sebelum sempat berlepas ke Macau.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 7 MAC 2017 (SELASA)**

Laporan autopsi tidak sebut Kim Chol mati serangan jantung

KUALA LUMPUR 6 Mac. - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam mengesahkan laporan autopsi yang dilakukan ke atas Kim Chol tidak menyebut beliau mati akibat serangan jantung.

Beliau berkata, pasukan forensik Malaysia telah menafikan dakwaan Korea Utara bahawa Kim Chol mungkin mati akibat serangan jantung.

"Kita tidak pasti orang atau laporan perubatan mana yang mereka (Korea Utara) rujuk. Berdasarkan hasil autopsi, tiada serangan jantung.

"Tetapi mereka (Korea Utara) berkata beliau mati kerana serangan jantung. Bagaimana seseorang yang tidak melakukan autopsi atau melihat laporannya boleh membuat kesimpulan seperti itu," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan jurucakap rasmi kedutaan Korea Utara, Ri Tong-il yang mendakwa Kim Chol mati akibat serangan jantung dan bukan diracun.

Subramaniam berkata, Malaysia telah menyiapkan autopsi yang adil dan disokong

Jabatan Kimia.

Beliau berkata, cabaran utama dalam kes Kim Chol ketika ini ialah untuk mengenal pasti identiti mayat dan bukan sebab kematian.

Mengulas pula mengenai cadangan untuk diadakan autopsi kedua oleh peguam kepada tertuduh wanita Vietnam dalam kes berkenaan, beliau berkata: "Apa sahaja pendekatan perundangan, kerajaan akan mengikutnya dan pada ketika ini kita telah menyiapkan autopsi secara adil."

Subramaniam juga menegaskan kerajaan masih menunggu DNA untuk mengesahkan identiti mayat yang ujiannya akan mendedahkan misteri kes itu.

Kematian Kim Chol iaitu abang kepada pemimpin tertinggi Korea Utara, Kim Jong-un bermula ketika beliau sedang menunggu penerbangan untuk ke Macau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 13 Februari lalu apabila dua wanita menyapu mukanya dengan cecair yang kemudiannya dikenali sebagai agen saraf VX.

Beliau dilapor meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Putrajaya. - BERNAMA



S. SUBRAMANIAM

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 7
TARIKH: 7 MAC 2017 (SELASA)**

Kuala Lumpur

Nafi mati akibat serangan jantung

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S.Subramaniam mengesahkan laporan autopsi yang dilakukan ke atas Kim Chol tidak menyebut beliau mati akibat serangan jantung.

Beliau berkata pasukan forensik Malaysia menafikan dakwaan Korea Utara bahawa Kim Chol mungkin mati akibat serangan jantung.

“Kita tidak pasti orang atau laporan perubatan mana yang mereka (Korea Utara) rujuk. Berdasarkan hasil autopsi, tiada serangan jantung.

“Tetapi mereka (Korea Utara) berkata beliau mati kerana serangan jantung. Bagaimana seseorang yang tidak melakukan autopsi atau melihat laporannya boleh membuat kesimpulan seperti itu,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan jurucakap rasmi kedutaan Korea Utara Ri Tong-il yang mendakwa Kim Chol mati akibat serangan jantung dan bukan diracun.

Dr Subramaniam berkata, Malaysia telah menyiapkan autopsi yang adil dan disokong **Jabatan Kimia**.

Beliau berkata, cabaran utama dalam kes Kim Chol ketika ini ialah untuk mengenal pasti identiti mayat dan bukan sebab kematian.

Mengulas pula mengenai cadangan untuk diadakan autopsi kedua oleh peguam kepada tertuduh wanita Vietnam dalam kes berkenaan, beliau berkata: “Apa sahaja pendekatan perundangan, kerajaan akan mengikutnya dan pada ketika ini kita telah menyiapkan autopsi secara adil.” – BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 7 MAC 2017 (SELASA)**

TRAGEDI LITAR LAJAK

‘Beri ruang kami siasat’

■ **Polis gesa orang ramai tidak buat spekulasi, keluar kenyataan**

Mohd Fadly Samsudin
fadly@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Cukuplah dengan pelbagai spekulasi! Itu arahan diberikan Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman Datuk Mahamad Akhir Darus kepada pihak yang terus mempertikaikan siasatan polis berhubung kemalangan ngeri basikal lajak.

Beliau meminta orang ramai tidak mengeluarkan sebarang kenyataan atau andaian berhubung kemalangan maut yang merugut nyawa lapan remaja di Jalan Lingkaran Dalam, Johor Baharu, 18 Februari lalu, kerana siasatan belum selesai.

Menurutnya, siasatan dijalankan bagi mendapatkan rakaman percakapan saksi serta laporan agensi lain yang turut terbabit kes itu.

“Polis perlu mendapatkan laporan lengkap bedah siasat, laporan perubatan mangsa cedera, laporan **Jabatan Kimia, PUSPAKOM, forensik dan Institut Penyelesihan Jalan Raya Malaysia (MIROS)**.

“Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333) kerana menyebabkan kematian, memandu dengan melulu atau membahayakan,” katanya pada sidang media di Ibu



MAHAMAD pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semalam.

“

Kami ingin tegaskan, pemandu wanita berkenaan disiasat mengikut seksyen yang tidak memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup”

Mahamad Akhir Darus

Pejabat Polis Bukit Aman, di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya kesal kerana ada orang awam mengeluarkan kenyataan tidak tepat di media sosial berhubung siasatan polis dalam kes berkenaan.

“Ia mengganggu siasatan dan tindakan itu menyalahi undang-undang dan boleh dituduh mengikut Seksyen 124i Kanun Kesejahteraan (Akta 574) atau Seksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKMM) (Akta 588).

“Sebelum laporan dikemukakan kepada mahkamah, polis perlu mendapat keterangan penuh laporan bedah siasat bagi menentukan punca sebenar kematian,” katanya.

Difahamkan, sejak kemalangan maut itu berlaku, terdapat segelintir pihak memberikan reaksi negatif termasuk kenyataan meng-

ganggu siasatan, ketenteraan awam dan membenci polis.

Beliau berkata, polis juga tidak boleh mendesak pihak hospital menyerahkan segera laporan bedah siasat kerana ia mengambil masa kerana membabitkan ramai mangsa.

“Timbul juga isu daripada orang awam kenapa wanita itu dibebaskan dan tidak terus ditahan hingga kes dibacarkan.

“Kami ingin tegaskan, pemandu wanita itu disiasat mengikut seksyen yang tidak memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup,” katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (TRAGEDI) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

KES NAHAS JALAN RAYA RAGUT LAPAN NYAWA REMAJA BERBASIKAL

Siasatan dapati tiada elemen jenayah: Polis

• Pemandu wanita disiasat mengikut Akta Pengangkutan Jalan

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Siasatan polis mendapati, nahas jalan raya meragut nyawa lapan remaja berbasikal di Johor Bahru pada 18 Februari lalu, tiada elemen jenayah yang perlu disiasat kerana menyebabkan kematian tanpa niat mengikut Kanun Kesekeaman.

Justeru itu, pemandu wanita yang terabit dalam tragedi berkenaan, disiasat mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, kerana menyebabkan kematian susulan pe-

manduan secara melulu dan membahayakan.

Pengarah Jabatan Siasatan Penguatuasaan Trafik Bukit Aman, Datuk Mahamad Akhir Darus, berkata akibat kemalangan itu, polis menahan pemandu kereta terbatas pada hari kejadian sebelum dibebaskan sehari kemudian dengan jaminan.

"Tindakan itu diambil selepas polis selesai merakamkan percakapan pemandu berkenaan dan tiada sebab untuk kita menahaninya dalam tempoh lebih lama, meskipun memperoleh reman selama tiga atau empat hari.

"Kes berkenaan diklasifikasi



Kes diklasifikasi
mengikut Seksyen 41(1)
Akta Pengangkutan Jalan
1987, iaitu menyebabkan
kematian kerana
memandu secara melulu
dan membahayakan"

Mahamad Akhir Darus,
Pengarah Jabatan Siasatan
Penguatuasaan Trafik
Bukit Aman

untuk siasatan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, iaitu menyebabkan kematian kerana memandu secara melulu dan membahayakan.

Rakam percakapan mangsa

"Setakat ini, polis menjalankan siasatan berdasarkan rakaman percakapan mangsa yang terselamat, saksi kejadian, selain laporan proses bedah siasat ke atas mangsa, laporan **Jabatan Kimia** dan **PUSPAKOM**," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Mahamad berkata, siasatan terabit dijangka mengambil masa tidak lebih daripada tiga bulan sebelum dicerahkan kepada peja-

bat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk tindakan lanjut.

Beliau turut menafikan andaiyan yang disebarluaskan menerusi media sosial, kononnya pemandu wanita itu dilepaskan tanpa sebarang tinjakan kerana berstatus anak orang kenamaan (VIP).

Katanya, orang ramai dinasihatkan tidak membincangkan isu itu dengan membuat andaiyan serta memberi pandangan dan ulasan di media cetak atau elektronik kerana boleh mengganggu siasatan polis.

"Mereka yang berbuat demikian boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia," katanya.



Keratan akhbar BH
19 Februari lalu.